



**NOTA MAKLUMAT DAN PANDUAN MERIN**  
*MARINE INFORMATION AND GUIDANCE NOTE*

**NMPM 30 / 2000**

**JABATAN LAUT SEMENANJUNG MALAYSIA**

Ibu Pejabat Laut, Semenanjung Malaysia, Peti Surat 12, 42007 Pelabuhan Klang.  
Tel: 03 – 31695100 Fax: 03 – 31685289 E-Mail: [Kpgr@marine.gov.my](mailto:Kpgr@marine.gov.my)  
<http://www.marine.gov.my>

---

---

**GARISPANDUAN PELAN KENDALIAN KEROSAKAN.**

**GUIDELINES FOR DAMAGE CONTROL PLANS.**

---

---

*Nota dan panduan kepada pemilik kapal , pengusaha kapal, nakhoda kapal, syarikat perkapalan dan pembinaan kapal.*

*Note and Guidance to ship owners, ship operators, ship masters, shipping companies and shipbuilders.*

---

---

Peraturan-peraturan 23, 23-1 dan 25-8 di bawah Bab II-1 Konvensyen Antarabangsa bagi Keselamatan Nyawa di Laut ( SOLAS ) memerlukan sebuah kapal dibekalkan dengan pelan-pelan yang mempamerkan dengan jelas bagi setiap dek dan ruang muatan, sempadan-sempadan petak kedap air; ruang terbuka padanya dengan kaedah-kaedah menutup dan penempatan apa-apa kawalan berkaitan, dan perkiraan untuk membetulkan keadaan senget sekiranya dibanjiri air. Di samping itu, peraturan-peraturan turut memerlukan buku-buku yang mengandungi maklumat-maklumat berkenaan disediakan untuk pegawai-pegawai kapal.

2. Pelan-pelan kendalian kerosakan dan buku-buku panduan kendalian kerosakan ini adalah bertujuan untuk memberi pegawai-pegawai di kapal maklumat yang jelas berkenaan pemetakan kedap air dan peralatan yang berkaitan untuk menyelenggara sempadan dan untuk

*Regulations 23, 23- 1 and 25 – 8 of chapter II–1 of the International Convention for the Safety of Life at Sea ( SOLAS ) require a ship to be provided with plans showing clearly for each deck and hold, the boundaries of the watertight compartments; the openings therein with means of closure and position of any controls thereof and the arrangements for the correction of any list due to flooding. In addition, the regulations require booklets containing the aforementioned information to be made available for the officers of the ship.*

*2. These damage control plans and damage control booklets are intended to provide ship's officers with clear information on the ship's watertight compartmentation and equipment related to maintaining the boundaries and effectiveness of the compartmentation so that, in the event of*

keberkesanan pemetakan supaya, semasa kejadian kerosakan di kapal, langkah-langkah yang betul dapat diambil untuk mencegah daripada dibanjiri air melalui ruang terbuka disitu dan tindakan yang berkesan boleh dilakukan dengan pantas untuk mengurangkan dan, dimana boleh, memulihkan kestabilan kapal.

3. Dengan tujuan untuk menyediakan pemilik kapal, nakhoda kapal, pembina kapal, syarikat perkapalan dan pengusaha kapal panduan bagi penyediaan pelan-pelan kendalian kerosakan bagi kapal penumpang dan kapal kargo untuk membantu nakhoda kapal dalam membuat keputusan bila menghadapi kejadian yang menyebabkan kerosakan kepada kapal, Jabatan ini ingin menarik perhatian kepada semua parti "Garispanduan Pelan Kendalian Kerosakan" yang diluluskan oleh Jawatankuasa Keselamatan Maritim di mesyuaratnya yang ke 71 ( 19-28 Mei 1999 ) seperti di lampiran.

4. Semua pihak yang berkenaan adalah dijemput untuk menggunakan garispanduan ini semasa menyediakan pelan kendalian kerosakan bagi kapal penumpang dan kapal kargo dimana peraturan-peraturan II-1/23, II-1/23-1 dan II-1/25-8 di bawah SOLAS terpakai.

**Ketua Pengarah Laut**

Tarikh: 30 September 2000

*damage to the ship, proper precautions can be taken to prevent progressive flooding through opening therein and effective action can be taken to quickly mitigate and, where possible, recover the ship's loss of stability.*

*3. With a view to providing, shipowners , shipmasters, shipbuilders, ship operators, shipping companies with advice on the preparation of damage control plans for passenger and cargo ships in order that shipmasters can be assisted in their decisions when addressing situation caused by damage to ships, the Department would like to draw attention to all parties concerned, the approved Guidelines For Damage Control Plans" by The Maritime Safety Committee at its seventy first session (19– 28 May 1999 ) as set out in the annex.*

*4. All parties concerned are invited to use the guidelines on the preparation of damage control plans for passenger and cargo ships to which SOLAS regulations II-1/23, II-1/23-1 and II-1/25-8 apply.*

*Director General of Marine*

*Date: 30 September 2000*

